

17 NOV 1999

BN-Terengganu

BN AKAN DAPATKAN PERMIT DAHULU SEBELUM BERARAK

KUALA TERENGGANU, 17 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) akan mendapatkan permit daripada polis dahulu sebelum mengadakan perarakan untuk mengiringi calon pada hari penamaan calon Sabtu ini.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad selaku pengerusi BN negeri berkata BN negeri memberi jaminan perarakan parti itu tidak akan bertembung dengan parti lawan bagi mengelakkan sebarang ketegangan.

"Pada hari itu hanya jalur gemilang dan bendera BN sahaja dibenarkan untuk dibawa oleh penyokong parti bagi memastikan perpaduan yang ada," katanya selepas mengadakan mesyuarat komponen BN negeri di Bangunan Umno hari ini.

Terdahulu itu, Wan Mokhtar mengadakan mesyuarat dengan semua Exco kerajaan negeri dan Badan Perhubungan Umno.

Beliau berkata mesyuarat itu adalah untuk membincangkan persediaan BN di samping menyentuh mengenai persiapan mengisi borang pencalonan serta upacara pecah tanah lebuhraya Pantai Timur pada 23 Nov.

Wan Mokhtar berkata kemungkinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turun ke Terengganu untuk membantu kempen BN negeri dalam memastikan kemenangan.

Sementara itu, Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Mohd Yusof Nor berkata Perdana Menteri dijangka melawat ke beberapa negeri yang dipilih bersesuaian dengan keadaan di situ pada musim pilihan raya ini.

"BN dan Umno akan mengadakan penerangan kepada semua ahli parti untuk menjelaskan isu-isu semasa yang timbul...supaya tidak terpengaruh, walaupun calon belum ditentukan," katanya.

Beliau berkata daripada penjelasan yang dibuat selama ini, BN mendapati masyarakat kini sudah bertambah yakin dengan keadaan sebenar dan mengetahui pembohongan yang dilakukan oleh barisan pembangkang.

-- BERNAMA

SBS FAZ